

28/04/2000

Fama diarah kaji wujud sistem peraih

Norazmi Abdul Talib

MELAKA, Khamis - Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) diarah mengkaji sistem peraih bagi mengumpulkan hasil pertanian penduduk kampung untuk pasaran tempatan serta eksport.

Ini berikutan Pusat Pengumpulan Ladang (PPL) yang diwujudkan Fama hanya bertumpu di kawasan pertanian yang dimajukan secara berkelompok dan menyebabkan hasil tani penduduk kampung tidak dibeli serta tidak dapat dikumpulkan.

Timbalan Menteri Pertanian, Datuk Seri Mohd Shariff Omar, berkata Fama perlu mengkaji semula sistem PPL dengan memperkenalkan pula peraih sebagai pembeli hasil tani penduduk kampung seperti serai, lengkuas, daun pandan dan daun limau purut.

Katanya, jika hasil tani itu dapat dikumpulkan dalam kuantiti yang banyak sudah tentu boleh dibekalkan untuk pasaran tempatan serta eksport.

"Saya harap Fama dapat mempertingkatkan sistem pengumpulan hasil tani dengan tidak tertumpu di kawasan pertanian berkelompok tetapi diperluaskan dengan mengumpul hasil tani di kampung," katanya kepada pemberita selepas merasmikan seminar pasar tani 2000 di Rumah Rehat Merlimau dekat sini, hari ini.

Turut hadir ialah Pengerusi Jawatankuasa Perindustrian, Sains dan Teknologi Negeri, Datuk Ahmad Hamzah serta Pengarah Fama Negeri, Wan Abdullah Wan Chik.

Mohd Shariff berkata, beliau yang pernah melawat pintu masuk negara di Bukit Kayu Hitam, mendapati banyak hasil tani dari Thailand dibawa masuk setiap hari.

Antaranya ialah 300 metrik tan bawang merah, 200 kilogram daun limau purut serta beberapa kontena cili api dibawa masuk setiap hari.

"Ini adalah hasil sistem pengumpulan dan pemasaran Thailand yang berkesan sehingga mampu mengeksport setiap hari ke negara ini, walaupun tiada ladang cili api atau limau purut," katanya.

Menurutnya, sistem begitu boleh dipelajari dengan memperkenalkan pula sistem peraih untuk mengumpulkan semua hasil tani penduduk kampung supaya dapat dipasarkan untuk keperluan harian dan tidak terlalu bergantung kepada import.

Katanya, negara perlu mengurangkan mengimport bahan makanan bernilai kira-kira RM11 bilion setahun dengan mengeluarkan sendiri hasil pertanian, yang sekaligus dapat menjimat pertukaran wang asing.

Berikutan itu, katanya, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyarankan projek pertanian diusahakan secara serius dengan tanah yang ada digunakan secara optima.

"Jika tanah dimajukan dengan tanaman kelapa sawit, disepadukan pula dengan tanaman bunga atau ternakan lembu atau pun bebiri," katanya.

Mengenai anggapan penduduk kampung bahawa Fama sentiasa membeli hasil tani pada harga murah, Mohd Shariff, berkata agensi itu membeli mengikut gred serta kualiti hasil pertanian.

Katanya, petani masih bebas menjual di tempat lain jika mendapat harga lebih baik.

"Fama hanya menjamin untuk membeli hasil tani yang tidak dapat dijual dan tidak dipaksa menjual kepada agensi ini," katanya.

Berikutan itu, katanya, Fama menubuhkan pasar tani bagi menggalakkan petani menjual terus hasil tani kepada pengguna.

"Saya harap peserta pasar tani menjual pada harga yang lebih murah

dibandingkan di pasar biasa kerana apabila dijual mahal, akan menyebabkan tiada pelanggan," katanya.

(END)